*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 1 Julai 2019

1. Polis sudah rekod keterangan pemilik anjing; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☑ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAITS TIMES | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN : Nasional** | 20 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☐ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☑ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☐ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

**TARIKH**

**1.7.2019**

# Polis sudah rekod keterangan pemilik anjing

**Mersing:** Polis sudah memanggil dan merekodkan keterangan seorang lelaki dipercayai pemilik anjing Pitbull yang menyerang seorang kanak-kanak sehingga menyebabkan kecederaan parah di Taman Makmur, Endau, di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Mersing, Superintendan Cyril Edward Nuing, berkata pemilik itu hadir ke Ibu Pejabat Polis (IPD) di sini, kelmarin.

"Pemilik itu tidak ditahan namun keterangannya sudah direkodkan bagi membantu siasatan. Kertas siasatan kes ini akan dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang untuk tindakan lanjut.

"Mengenai tindakannya membela anjing tanpa lesen, kes itu disiasat oleh Majlis Daerah Mersing," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Media semalam melaporkan, seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun parah pada muka akibat digigit seekor anjing Pitbull peliharaan jirannya.